



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEMBANTU MERINYU PEMASANGAN (D.1-2-3 EB.4-5)
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMBANTU MERINYU PEMASANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 EB KHAS \$1,665 - \$1,825 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding.

ATAU

- b) BDTVEC / BTEC *National Trade Certificate Grade 2* (NTC2) dalam bidang Elektrikal / Elektronik atau bidang bersesuaian.

ATAU

- c) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- d) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membuat pemeriksaan dan penyelidikan ke atas permohonan orang ramai mengenai tapak pembinaan rumah baru atau lama, menambah pendawaian, membuat laporan melalui gambar rajah kedudukan tapak berkenaan sebelum bekalan api elektrik dibekalkan sama ada memerlukan tambahan *overhead line* atau sebagainya.
2. Membuat pemeriksaan kekuatan tenaga elektrik *di feeder pillar substation* selepas membuat pemeriksaan ke tapak binaan.



3. Membuat pengujian pendawaian bagi rumah-rumah dan bangunan pelanggan dan Kerajaan.
4. Membuat *termination cable* di *feeder pillar* dan *overheadline*.
5. Membuat *switching / commissioning* 11kv / 415v *transformer* jika perlu.
6. Membaik pulih aduan kerosakan bekalan api elektrik di rumah awam dan bangunan Kerajaan sama ada di bahagian luar dan dalam.
7. Menerima arahan daripada Pegawai-Pegawai Kanan dari semasa ke semasa.